

19 MAR 1999

AGONG, MAHATHIR HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA TUNISIA

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Tunisia, Zine El Abidine Ben Ali, bersempena hari kemerdekaan negara itu.

"Beta yakin bahawa hubungan erat dan kerjasama yang dinikmati di antara kedua-dua negara akan terus diperkukuhkan bagi faedah rakyat Malaysia dan Tunisia," titah Seri Paduka dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Wisma Putra, di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Dr Hamed Karoui, berkata beliau berharap hubungan erat yang wujud di antara Malaysia dan Tunisia akan dapat dipertingkatkan.

"Saya berharap Tunisia akan terus menikmati kemajuan dan kesejahteraan di masa hadapan," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya, Said Ben Mustapha.

-- BERNAMA

RA AKD